

Cagamas terbit kertas komersial konvensional RM200 juta

KUALA LUMPUR: Perbadanan Gadaai Janji Nasional, Cagamas Bhd, semalam mengumumkan terbitan Kertas Komersial Konvensional (CCP) tiga bulan pertama tahun ini berjumlah RM200 juta.

Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Chung Chee Leong berkata, terbitan itu adalah daripada Program Kertas

Komersial Islam dan Konvensional RM20 bilion, dengan keuntungan akan digunakan untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan daripada sistem kewangan domestik.

“Tahun baharu ini menyaksikan sentimen pelabur yang bertambah baik berlatarbelakangkan keyakinan yang semakin meningkat ke atas perjan-

jian perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China.

Pengukuhan Ringgit Malaysia dan aliran masuk portfolio asing yang kukuh, disokong oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat yang memihak kepada kadar faedah rendah, serta persekitaran kadar pertumbuhan global yang lemah, menyum-

bang kepada momentum yang lebih baik dalam pasaran bon tempatan.

“Sentimen positif ini membantu membuka jalan bagi syarikat untuk menaikkan harga CCPnya pada hasil yang kompetitif,” menurut Cagamas menerusi satu kenyataan.

Beliau berkata penetapan harga CCP dibuat lebih awal dari-

pada Mesyuarat Dasar Mo-netari (MPC) yang dijadualkan pada 22 Januari, 2020, dan ditetapkan pada harga kompetitif Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) tiga bulan yang sepadan, ditolak 3 bps berasaskan penetapan KLIBOR pada tarikh harga.

“Harga CCP mewakili 31 bps mengatasi Bil Per-

bendaharaan Malaysia,” katanya.

Kertas tersebut yang akan ditebus dengan nilai nominal penuh mereka pada tempoh matang, merupakan obligasi tanpa cagaran syarikat, kedudukan sama rata antara obligasi tidak bercagar dengan semua obligasi tidak bercagar sedia ada syarikat. - Bernama